

15 AUG 1996

ASW 2020: PELUANG SAMA RATA UNTUK SEMUA

Oleh: Mohd Arshi Mat Daud

KUALA LUMPUR, 15 Ogos (Bernama) -- Pelabur-pelabur individu tidak perlu berebut untuk Amanah Saham Wawasan 2020 (ASW 2020) yang ditunggu-tunggu itu, kerana pengurus dananya, Permodalan Nasional Bhd (PNB), telah membentuk satu mekanisme yang akan memastikan pengagihan samarata kepada semua.

PNB, melalui 1,243 agen jualannya atau cawangan-cawangan di seluruh negara, akan menerima permohonan dalam bulan pertama apabila skim amanah saham disokong kerajaan itu dibuka untuk jualan, tidak kira sama ada adanya dana-dana.

Akan dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 28 Ogos, ASW 2020 akan dibuka untuk jualan daripada 2 Sept di semua pejabat pos dan bank, termasuk Maybank dan Bank Bumiputra.

Ketua eksekutif kumpulan PNB, Datuk Mohd Hilmey Mohd Taib, berkata mana-mana pemegang unit yang layak boleh membeli atau memohon untuk tiga bilion unit dana, daripada minimum 100 unit hingga maksimum 50,000 unit bagi setiap individu dalam masa satu bulan.

"Kami akan menerima permohonan mereka tanpa memeriksa adanya dana sehingga akhir September, apabila kami akan melihat sama ada terdapat lebih langganan atau tidak," beliau memberitahu pemberita baru-baru ini.

ASW 2020, yang menyediakan untuk keperluan penduduk pelbagai kaum di Malaysia, akan mempunyai komposisi 51 peratus (RM1.53 bilion) untuk Bumiputera dan 49 peratus (RM1.47 bilion) untuk bukan Bumiputera.

Hilmey yakin bahawa bahagian bukan Bumiputera mungkin dibeli dengan cepat, dan menambah bahawa sekurang-kurangnya 28,000 "individu kaya" boleh melabur wang untuk membeli had maksimum 50,000 unit, dengan itu hampir menghabiskan kuota RM1.49 bilion yang ditetapkan untuk kumpulan itu.

ASW 2020, pada RM1 seunit, bertujuan untuk pelabur-pelabur berumur 12 hingga 29 tahun.

Dengan komitmen untuk memasarkan produk itu di peringkat bawahan bukan Bumiputera, seperti pekerja-pekerja ladang dan kumpulan berpendapatan rendah, PNB berharap mendapat penyertaan luas menjelang akhir tempoh satu bulan itu, katanya.

"Sebagai contoh jika terdapat lebih langganan di bahagian bukan Bumiputera, kami akan terpaksa mengurangkan had maksimum bagi individu bagi memberi ruang kepada semua orang.

"Mekanisme ini akan memastikan bahawa rakyat bukan Bumiputera yang miskin tidak akan ketinggalan," katanya.

Oleh itu, Hilmey berkata para pelabur akan dikehendaki menandatangani satu borang, bersetuju bahawa mereka "mungkin tidak menerima bilangan unit sehingga maksimum yang mereka pohon."

Pada malam 30 Sept, apabila tempoh kelonggaran satu bulan itu luput, sistem komputer PNB akan mengira dan membuat keputusan mengenai unit-unit yang akan diterima oleh para pelabur.

"Kami akan memantapkan rekod kami dan mulai membayar balik wang, tanpa faedah, hari esoknya," katanya.

Katanya PNB akan menghantar cek-cek untuk membayar balik, tetapi pada masa yang sama ia akan mencari kaedah-kaedah lain yang lebih baik untuk berbuat demikian.

"Kami mungkin menasihati agen-agen di mana mereka membeli untuk mengemaskinikan akaun mereka," tambahnya.

Beliau juga berkata disebabkan sistem elektronik terus PNB, para

pemegang unit akan dapat tahu sama ada mereka telah berjaya di dalam permohonan untuk unit-unit itu di semua 1,243 kaunter.

Hilmey berkata PNB menjangka bahagian Bumiputera akan kurang langganan dan dengan itu akan membuka jumlah yang tidak dilanggan kepada institusi-institusi yang mempunyai kepentingan individu Bumiputera seperti koperasi dengan anggota majoriti Bumiputera.

Pelaburan institusi akan mempunyai pelaburan minimum sebanyak 5,000 unit dan maksimum 500,000 unit.

Bagaimanapun, unit-unit yang tidak dibeli hanya akan dibuka kepada pelaburan institusi selepas enam bulan daripada pelancaran kerana keutamaan terpenting ASW 2020 adalah untuk pelabur-pelabur individu, katanya.

Di samping itu, katanya jika mana-mana unit tidak dilanggan selepas enam bulan pertama, PNB akan menerima permohonan menurut adanya unit-unit pada "asas siapa cepat dia dapat." -- BERNAMA

AD OS/sia